

23/09/1998

## Kritikan teater Melayu tenat

Sutung Umar Rs

KRITIKAN teater dan seni persembahan Melayu sedang mengalami dunia yang malap. Persembahan teater misalnya, tidak mendapat kritikan sewajarnya.

Ada kritikan yang hanya memuji melangit atau menghentam melulu. Kritikan yang demikian pada hakikatnya tidak banyak membantu perkembangan teater dan kritikan teater.

Sementara itu, sebagaimana yang disebutkan Datuk Ismail Adam, Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia baru-baru ini, kementerian pernah menawarkan kepada media massa bagi mengadakan bengkel kritikan seni persembahan, malangnya tidak menerima sambutan.

Keadaan ini wujud disebabkan beberapa faktor. Antaranya, keperitan pengalaman pengkritik teater, sebagaimana yang dinyatakan Zakaria Ariffin kepada Sastera dan Budaya, Jumaat lalu.

Hal itu barangkali juga mendorong individu yang ingin terbabit dalam dunia kritikan berasa takut.

Tidak kurang juga mereka yang terbabit dalam dunia kritikan berkurangan kerana ketidaksenangan dengan situasi teater dan perkembangan dunia persembahan yang sedang mengalami satu macam trauma tersendiri.

Baru-baru ini saya menemui Dinsman, penyair, penulis skrip, pengarah dan pengkritik teater yang berwibawa sekitar 1970-an dan 1980-an.

Walaupun dia tidak lagi menulis kritikan, aktivitinya dalam penulisan puisi masih diteruskan.

Tahun lalu Dinsman menerbitkan antologi puisinya berjudul Puisi Panjang Untuk Mahathir, kumpulan puisi yang merakamkan sikap, pandangan dan kekaguman seorang penyair terhadap seorang Perdana Menteri.

Begitu juga walaupun dia sudah lama tidak mengarah drama, tetapi aktiviti penulisan skrip drama masih diteruskan. Skrip dramanya yang terbaru ialah Siapakah Takutkan Amerika...? Skrip itu masih belum dipentaskan.

Pada pertemuan itu, Dinsman menyatakan yang dia sudah lama tidak mengikuti kegiatan teater.

"Kenapa? Ini satu persoalan yang menarik. Memang ada beberapa sebab kenapa saya sudah sekian lama tidak berminat mengikuti kegiatan teater," katanya.

Menurutnya, suasana sudah banyak berubah, berbanding 1970-an dan awal 1980-an.

Selepas Teater Generasi Ketiga, suasana keseronokan berteater mulai luntur.

"Kementerian Kebudayaan pun tidak cuba memarakkan keghairahan berteater. Sebaliknya mengambil jalan lain yang sedikit demi sedikit membunuh kegiatan teater berkumpulan."

"Dalam hal ini, apabila teater Melayu tidak ada kumpulan, macam mana nak mengharap dia boleh bergiat dengan ghairah. Saya memahami kerisauan Datuk Sabbaruddin Chik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengenai pengisian Panggung Negara," katanya.

"Bagaimana dengan Majlis Teater Malaysia (TEMA)?" saya bertanya.

"Orang teater menaruh harapan yang tinggi pada TEMA, tetapi TEMA pun mengambil jalan lain. Sekarang, saya tidak tahu dengan jelas apakah yang terjadi dengan organisasi itu."

Mengikut Dinsman lagi: "Cara dan pendekatan kementerian, lain lagi. Dia buat seolah-olah teater Melayu ini kerja mereka. Mereka rancang, mereka atur, mereka buat."

Dalam hal begitu, kumpulan teater Melayu sedikit demi sedikit akan terhakis. Dan sekarang ini sudah hapus. Mereka matikan keghairahan berteater.

Mereka pun nak cari glamour juga. Inilah silap faham dalam perancangan teater kebangsaan.

Keadaan itu menyebabkan kreativiti di kalangan aktivis teater sendiri tidak dipedulikan. Mereka lebih silau dengan kemilau bintang-bintang glamour.

"Tidak ada salahnya mengambil bintangkah, mataharikah untuk naik ke pentas, tetapi matlamat dan caranya mesti betul."

"Jika cara dan matlamatnya tidak jelas, selain tindakan pula tidak menuju matlamat, bilakah teater Melayu akan mantap dan matang?," tanya Dinsman.

"Dunia kritikan lain lagi. Siapakah yang mempedulikan mengenai kritikan? Tanggungjawab siapakah, organisasi manakah? Tidak ada."

"Suasana kini nampaknya yang dipentingkan ialah orang ramai datang memenuhi panggung. Asalkan orang ramai datang menonton bintang-bintang di pentas teater cukup. Itulah yang dikehendaki pegawai-pegawai perancang teater kebangsaan kita."

"Satu perkara yang amat menyedihkan lagi, hasil daripada situasi itu ialah apabila sudah timbul anggapan bahawa teater itu hanya satu bentuk hiburan. Teater tidak lagi dilihat sebagai persembahan yang penuh prestij, yang membawa mesej tertentu mengenai konflik manusia dan membincangkan persoalan kemanusiaan."

"Dan kalau kita menimbulkan perkara ini, dikatakan bahawa kita mengkritik mereka. Kritik diberi erti tidak baik. Menentang dasar dan sebagainya. Itu sikap masa kini. Dalam keadaan demikian, bagaimana teater dan kritikan teater boleh maju?," katanya.

Sebagaimana yang ditimbulkan Zakaria Ariffin yang suatu ketika pernah menulis kritikan, tetapi kini tidak lagi berbuat demikian, ada benarnya juga.

Suasana sekarang malahan tidak saja dalam bidang teater, sebaliknya dalam banyak bidang kehidupan lain pun tidak memerlukan kritikan.

Pengkritik selalu dilihat sebagai penentang mutlak. Dalam hal ini bagaimana kritikan teater hendak maju. Begitu juga kalau kita lihat bidang kritikan novel. Nasib yang sama dialaminya.

Menurut Dinsman lagi, pihak media juga boleh memainkan fungsi penting dalam memperkembangkan dunia kritikan persembahan Melayu, dan malahan perkembangan teater.

"Saya tidak mengatakan bahawa media pada masa kini tidak memberi tempat kepada kritikan. Persoalan kita bukan sekadar memberikan tempat, tetapi tulisan kritikan mestilah mempunyai kredibilitinya."

"Kita tahu tidak semua orang boleh menulis kritikan. Seharusnya hanya kritikan yang bermutu disiarkan, walaupun kritikan itu mengkritik sesebuah persembahan dengan begitu berat."

"Saya hairan. Pada masa ini ada banyak pusat pengajian tinggi. Ada banyak tempat yang mengajar teater seperti Akademi Seni Kebangsaan (ASK), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), tetapi tidak ada yang menulis kritikan," katanya.

Tambah Dinsman: "Ada banyak cara yang boleh dilakukan untuk memajukan teater, kritikan teater dan seni persembahan pada umumnya. Inisiatif baru mungkin boleh diambil. Mungkin Berita Harian boleh mengambilnya. Mana tahu."

(END)